

Rakyat Celik Politik

0.9595

MAA

HAJI MOHD AZMI ABDUL HAMID



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



FOC

/khlās dari

Azmi/VS

7/12/21

RAKYAT CELIK POLITIK


HAJI MOHD AZMI ABDUL HAMID

Tokoh Maulidur Rasul Kebangsaan 2019
Presiden TERAS



“Saatnya Generasi Pewaris Bangsa Bersiap Memimpin Kebangkitan Ummah”

PUSTAKA PERDANA



1013174



Sebuah lagi terbitan



RAKYAT CELIK POLITIK

Cetakan Pertama Februari 2013

© Hakcipta Terpelihara Teras Pengupayaan Melayu
Tidak dibenarkan mencetak semula atau menerbit
mana-mana bahagian, artikel, isi kandungan dalam buku
ini dalam apa juga bentuk sekalipun sama ada secara
elektronik, fotostat, rakaman atau lain-lain cara sebelum
mendapat kebenaran bertulis daripada Teras Pengupayaan
Melayu (TERAS).

Penulis: Haji Mohd Azmi Abdul Hamid

Editor: Ismail Hashim (ibhkhidmat@ymail.com)

Design: Marsila Mohd Nor

Urusterbit dan Cetak: IBH Khidmat

Diterbitkan: Teras Pengupayaan Melayu (TERAS)

Alamat: F1014B, Kampung Pondok Batu Hampar,
08400 Merbok, Kedah Darul Aman, Malaysia.

Website: <http://temanteras.wordpress.com>

Emel: azmi58@yahoo.com

FB: <http://facebook.com/cikgu.azmi>

HP: Ustaz Salman Siddiqiy (019-4013782)

Kandungan

BIL	TAJUK	MUKA
1.	Muqaddimah	4
2.	Bab 1- Mendidik Rakyat Celik politik	11
3.	Bab 2- Rakyat Perlu Bersiap Mencari Pemimpin Sejati Yang Istiqamah	21
4.	Bab 3 - Menjadi Rakyat Yang Waspada	33
5.	Bab 4 - Merakyat	43
6.	bab 5 - Kata Rakyat Di Hari Kebangkitan	55
7.	Bab 6 - Memahami Nurani Rakyat	65
8.	Bab 7 - Mencetak Aktivis Rakyat	77
9.	Bab 8 - Mandat Rakyat Kepada Pemimpin	89
10.	Khatimah	102

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ
سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا نَكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ.

Kegusaran rakyat dan sesiapa sahaja yang prihatin terhadap masa depan negara adalah beralasan. Melihat kepada kecenderungan politik masakini membikin semua menarik nafas panjang.

Apakah yang bakal dihadapi oleh rakyat dengan berbagai kerenah dan sepak terajang politik yang membudaya masakini, tak terduga.

Telahan yang pasti, rakyat semakin mengharungi bara politik yang sangat perit. Sememangnya semangat masih tersisa untuk rakyat saling mengingatkan betapa berharganya kemerdekaan.

Walaupun erti demokrasi hanya tinggal kata-kata. Demi harga diri dilaungkan juga. Lara dan duka tetap berwajah pada muka rakyat. Keinginan rakyat sedemikian murni tetapi dihadapkan keangkuhan penguasa politik yang tidak kenal diri.

Dengan wang dan kuasa, suara rakyat dicemuh, lidah rakyat diikat, kerongkong rakyat disumbat. Lalu jadilah politik bisu dan politik tuli.

Kami menghadirkan tulisan ini untuk mencungkil intipati dari sebuah politik merakyat. Berasaskan pengamatan di medan dan penelitian terhadap gelagat ahli politik serta reaksi rakyat, ada sesuatu yang sangat merunsingkan.

Tidak diperkirakan lagi soal bagaimanakah negara ini akan tercorak bila peralihan kuasa belum menjamin perubahan mendasar dalam hala tuju negara. Sebabnya, penguasa yang tidak sedar tanggungjawab dan rakyat tidak celik politik.

Hal yang lebih merunsingkan adalah kepemimpinan. Bukan sekadar untuk mencari pemimpin politik untuk kekuasaan tetapi memilih kepimpinan yang berakar pada aspirasi rakyat, bermuara dari kesedaran tuntutan Illahi.

Namun terdapat kekaburan. Pemimpin kabur dalam niat dan matlamat dan rakyat keliru dalam wawasan dan pertanggungjawapan.

Perkara yang menjadi tumpuan berlebihan adalah pilihanraya. Sehingga terlupa bahawa keperluan rakyat adalah keutamaan. Keutamaan bukan dengan menggugula rakyat dengan menabur wang. Tapi dengan kejujuran membenters penyelewengan, menghapuskan kepalsuan dan memerangi pengkhianatan.

Sesungguhnya menang pilihanraya bukan bererti menang dalam kepimpinan. Memegang jawatan politik belum boleh dianggap pemimpin sejati. Ada yang lebih tinggi dari kepimpinan politik. Ia adalah kepimpinan budaya.

Persoalan yang menjadi asas adalah memimpin rakyat dengan matlamat yang lebih mulia dari hanya meraih undi rakyat. Akan tetapi adalah untuk mengangkat budaya hidup rakyat dari kondisi pasif kepada situasi dinamis dan aktif.

Sememangnya kuasa amat penting. Dengan kuasa perubahan dikatakan boleh berlaku. Namun kuasa adalah mandat. Mandat perlu kepada kepercayaan dari rakyat.

Dalam demokrasi cukup bilangan majoriti disahkan sebagai mandat. Akan tetapi ada hal lain yang perlu diperkirakan. Rakyat perlu kejujuran politik lebih dari kehendak politik. Lebih dari sekedar kemenangan politik kepartian. Inilah yang nampaknya didambakan. Namun dilupakan.

Tidak sedikit kekecewaan rakyat yang telah disuara dan diterjemahkan dalam aksi dijalanan. Mengambil iktibar dari pelbagai kebangkitan rakyat di Latin Aemerika dan di Asia Barat, politik bukan lagi urusan parti politik semata.

Rakyat masih mengidamkan kejernihan dalam budaya politik dalam kalangan para aktivis politik. Kini terlalu jelas bahawa selepas lebih setengah dekad kemerdekaan dicapai, berpolitik dalam erti kata menunaikan hak dan mendidik rakyat dengan nilai dan aspirasi kenegaraan maseh jauh.

Celik politik bermula dari celik hak. Manakala celik hak berputik dari kesedaran mendalam terhadap tanggungjawab. Tanggungjawab menentukan masa depan generasi kini dan generasi masa akan datang.

Rakyat sedar hal ini, tetapi budaya politik yang berputar

dalam tangan ahli politik telah mencorakkan fikiran politik yang bercelaru dalam kalangan rakyat.

Pemikiran politik yang bersifat kepentingan diri, bukan lagi politik merakyat. Sikap politik yang tertumpu kepada kepartian, bukan kepada rakyat terbanyak.

Walhasil, rakyat menjadi alas untuk diinjak, bukan menjadi tunjang politik. Selanjutnya politik kekuasaan mengambil tempat dominan sehingga kepentingan rakyat menjadi sekunder.

Inilah sebabnya politik kekuasaan tidak boleh berpisah dari politik keagamaan kerana pada asasnya politik adalah “min a‘zam wajibat al-din” (satu kewajiban agama yang utama).

Jika diperhatikan politik bererti “relating to citizen“. Lantaran itu bila politik tidak menguruskan soal kerakyatan dan kenegaraan sebagai amanah, kekotoran dan kebejatan politik mengambil tempat atas nama kekuasaan yang dimandatkan.

Politik kerakyatan adalah politik memegang kepemimpinan masyarakat dan menguruskan rakyat. Bila ini terketepi maka wajar saja jika politik sekarang lebih mengedepankan perebutan kekuasaan daripada pengurusan ehwal rakyat.

Akhirnya jadilah ia lebih berputar disekitar masalah siapa mendapat apa, bila dan bagaimana. Seluruh kelicikan berpolitik digunakan oleh para politikus dewasa ini sebagai dalil untuk meraih kepentingan pribadi, kelompok, dan pemilik modal. Politik jadi satu pelaburan.

Selepas menang, laba diraih oleh pembekal modal yang membiaya calon pilihanraya.

Padahal betapa berat amaran Rasulullah kepada para penguasa politik yang tidak melaksanakan kewajiban memperbetul masyarakat dan kepentingan kaum Muslimin. Rasulullah SAW bersabda, dalam erti:

“Seseorang yang ditetapkan Allah (dalam kedudukan) mengurus kepentingan umat, dan dia tidak memberikan nasihat kepada mereka (umat), dia tidak akan mencium bau Syurga” (Hadis Bukhari dari Ma’qil bin Yasar RA)

Negara dan umat/rakyat menjadi asas mengatur kekuasaan dan dari itu sumber perundangan diatur.

Dalam hal ini umat menuntut hukum Islam terlaksana. Dan mandat umat sudah pasti diperlukan supaya penguasa mengguna kuasa untuk menegakkan undang-undang Pencipta (Allah SWT), kerana Dialah yang telah menciptakan alam semesta dan manusia dengan segala aturannya. AturanNya sajalah yang wajib dipatuhi.

قُلْ إِنِّي عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّي وَكَذَّبْتُمْ بِهِ ۚ مَا عِندِي مَا تَسْتَعْجِلُونَ بِهِ ۚ

إِنِ الْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ يَاقُصُّ الْحَقَّ وَهُوَ خَيْرُ الْفَاصِلِينَ ﴿٥٧﴾

“Menetapkan hukum hanyalah milik Allah. Dialah menerangkan yang sebenarnya dan Dia Pemberi keputusan yang terbaik.” (Al-Quran, Al-An’am (6) : 57)

Atas dasar inilah maka aktivis politik perlu tahu bagaimana kedaulatan Syara’ perlu direalisasikan untuk umat dan rakyat.

Politik pengaturan urusan umat dan rakyat sangat diperlukan bukan sekadar pengertian politik saat ini yang menekankan kepada kekuasaan semata.

Adapun mendapat sokongan rakyat untuk menubuhkan sebuah pemerintah adalah proses yang tidak terkecuali. Lantaran itu tanggungjawab memilih itu perlu melambangkan kebebasan rakyat memilih tanpa sebarang tekanan.

Persaingan seharusnya dalam medan mengengahkan gagasan dan pelan memerintah yang boleh meyakinkan rakyat. Bukan mewajahkan proses ganas, menggunakan Wang sogokkan, mengeksploitasi jentera wang dan ugutan.

Di sinilah kematangan akan dapat dibenihkan dari sebuah proses demokrasi yang sihat dan sejajar dengan prinsip syura dalam pemerintahan.

Rakyat tidak boleh dijadikan alat. Apatah lagi dijadi pijakkan untuk melonjakkan kepentingan peribadi.

Dengan demikian, mendudukan semula politik Islam menjadi keutamaan dalam proses celik politik. Hanya dengan itu masa depan negara terjamin dari porak-peranda yang akan menghancurkan.

Salam hormat,

HAJI MOHD AZMI ABDUL HAMID

12 RabiulAwwal 1434 (Maulidur Rasul) 24 Januari 2013



1

**MENDIDIK
RAKYAT
CELIK
POLITIK**



MENGAMATI jalan fikir politik rakyat sangat merunsingkan. Bukan kerana rakyat memang begitu fikirannya. Akan tetapi rakyat dikondisikan berfikir begitu.

Jika rakyat dihamilkan oleh ibu yang takabbur manakan tidak lahirlah rakyat yang berfikir gagap. Akibat kerap disergah bapa yang bengis maka jadi gagaplah rakyat yang digelar anak.

Gagap untuk berkata yang benar. Gagap juga untuk menyanggah yang salah.

Puncanya? Rakyat membesar dengan asuhan naif dalam fikir politik. Atau juga memang berfikir politik yang sedia ada inilah yang bikin rakyat jadi seperti ini. Kerana tidak diajar berpolitik, tidak diajar ilmu hukum maka beginilah jadinya.

Rakyat jadi susah menilai peribadi orang yang galak meminta diberi jawatan. Sebabnya? Rakyat sendiri tidak diilmukan dengan ilmu sahsiah dan ilmu jiwa.

Lalu jadi jahil sebilangan besar rakyat bila memilih pemimpin politik. Kerana yang disumbat dalam fikiran rakyat hanyalah fikiran lurus bendul. Tidak diizinkan mengerti huraian berfikir, jauh sekali filsafat dan ilmu logika.

Memang tidak keterlaluan jika dirumuskan bahawa rakyat sebetulnya tidak dimaksudkan untuk mengerti semua itu. Justeru, yang pasti rakyat hanya dipersiapkan untuk jadi alat saja.

Demikianlah rakyat muda kita mendewasa. Mereka dididik untuk patuh bukan pematangan dalam berfikir. Mereka ditatang untuk menghafal bukan dilatih untuk menghurai permasalahan. Mengenai dasar keadilan di dalam pergaulan dan kelakuan manusia, mengenai kenapa manusia berpelajaran tidak sama dengan manusia berpendidikan, mengenai kemelaratan di tengah-tengah kemewahan dan pembaziran.

Itu semua tidak dianggap sebagai ilmu yang perlu dikaji dan diuji. Lalu generasi yang lahir di tengah rakyat ialah generasi bersijil, bukan generasi berfikir.

Akhirnya yang diperolehi daripada rakyat yang digelar graduan hanya dapatan daripada segunung tesis-tesis beratusan muka surat dan kajian yang berjilid-jilid buat memenuhi syarat lulus ijazah.

Namun kenyataan di dunia menjadi remang-remang. Gejala-gejala yang muncul lalu lalang, tidak boleh rakyat hubung-hubungkan. Sehingga rakyat jadi marah pada diri sendiri dan sebal terhadap masa depan. Lalu akhirnya, rakyat terasyik dalam menikmati masa bodoh dan hidup santai terus.

Demikian seangkatan demi seangkatan lahir generasi gagap. Hanya terbiasa dengan memakai dan menerima. Tanpa boleh menghurai dan bertanya, jauh sekali menghasil keaslian dalam berfikir.

Jadilah rakyat gagap dalam bersikap, dan santai dalam berperangai. Persis hidup bak luncai dengan labu-labunya.



Walhasil rakyat dan aktor politik hanya tahu bergelar dan berpangkat. Bergelar dan berpangkat itu pula disamakan dengan memimpin, padahal sebetulnya ia hanya baru berada di ambang kuasa, bukan memimpin. Menjadi semakin kabur dan kelabu pandangan mata hati rakyat dalam berpolitik.

Jika dirujuk kepada leluhur bapa-bapa semua rakyat, ternyata ada satu punca besar rakyat jadi begini. Puncanya pendidikan negeri ini berkiblat ke Barat. Di sana anak-anak memang disiapkan untuk menjadi alat kepada industri dan perkakas bagi pemerintah.

Dalam industri, mereka berjalan tanpa henti mengikut rantai sambung menyambung memenuhi target produktiviti dan dalam sistem pemerintah mereka dipersiapkan menjadi alat birokrasi!

Maka kelihatan manusia industri dan manusia birokrasi masing-masing sibuk. Satu kumpulan memfasilitasi kecekapan yang satu, yang satu menyokong kelancaran yang satu. Semua ini diberi kalimat hebat yang dinamai “transformasi”.

Sehingga tidak sedar rupanya birokrasi menjadi berlebihan, industri pula menghasilkan sampah bertimbunan tanpa kegunaan - menjadi dedalu di dahan. Malah yang ini pula diberi pradiket “pertumbuhan”.

Padahal “transformasi” yang diwar-warkan sebenarnya menggahkan “form” bukan isi, dan “pertumbuhan” pula menjadi “ketumbuhan” tumor yang tidak punya had merebak sel kanser yang membunuh, bukan pemerataan



untuk keadilan buat mereka yang tersisih dan terpinggir.

Politik rakyat menjadi semakin gelap. Pendidikan tidak memberikan pencerahan.

Latihan-latihan tidak memberi pekerjaan. Politik tidak menghasilkan pembelaan. Mereka yang diharap untuk memimpin pula akhirnya enak disinggahsana kekuasaan.

Kerana rakyat tidak pandai mentafsirkan, akhirnya lebih enak lari ke dalam ganja kebergantungan. Lalu berduyun-duyun meramaikan majlis berteriak “kita boleh!”, menjerit “janji ditepati” di sebalik keperitan perut yang masih lapar, anak masih terputus susu, ibu bapa bekerja siang malam ketika berikhtiar menutup kaki kepala terdedah, menutup kepala kaki terbuka.

Di dalam kemabukan, wajah berdarah akan terlihat sebagai bulan. Kening berkedut terlihat sebagai bintang berkelipan.

Rupanya rakyat termakan rawatan ubat “tahan sakit” yang bersifat sementara. Diminta mereka menadah tangan sementara melafazkan janji setia memenangkan mereka untuk berkuasa lagi.

Tidak diketahui barah ketumbuhan itu akan menyerang kembali. Ketika itu bukan, bukan jeritan “janji ditepati” yang akan bergema lagi, akan tetapi bertukar menjadi “rakyat perlu berkorban” menjadi tag-line yang baru pula.

Apakah ertinya tanda-tanda yang rumit ini? Mengapa harus rakyat terima hidup begini?

Sememangnya seseorang itu berhak diberi ijazah doktor, jika itu yang dia inginkan, lalu rakyat dan nusa menjadi bangga. Memiliki rakyat daripada yang terpelajar. Walau pun tanpa diuji pengetahuannya akan keadilan. Berani-kah dia berbicara bila ada tirani memaharajalela. Ataupun kerjanya cuma menyuntik ubat tahan sakit saja.

Demikian rakyat puas melihat berbondong-bondong mahasiswa graduan ilmu undang-undang bagaikan berbarisan perwira-perwira keadilan ataupun hanya menjadi saf pencari kerja mengejar pendapatan lumayan bukan penyuar pendapat kebenaran.

Mungkinkah rakyat akan dikecewakan, yang dikata perwira-perwira ini berkesudahan hanya sebagai bendera-bendera upacara, sementara undang-undang dikhianati berulang kali di depan mata.

Berharapkah lagi rakyat kepada mahasiswa-mahasiswa ilmu ekonomi yang berderetan bagaikan bunga plastik, kelihatan indah daripada pandangan jauh tetapi hambar bila disentuh.

Lantaran mereka bukan graduan daripada permasalahan ekonomi rakyat akan tetapi ahli teori ilmu ekonomi di kamar kuliah di gedung universiti.

Padahal yang melingkari realiti ekonomi rakyat adalah kebangkrutan yang sarat dengan tabiat korupsi. Dengan itu, yang terhasil bajet yang berkepanjangan defisit tanpa alasan, yang terlibat ialah perbelanjaan mewah tanpa rasional.

Rakyat berada di dalam pusaran tata warna yang mengelirukan dan tidak terbaca. Berlegar dalam penjara kabut yang memabukkan tanpa menemukan jalan keluar.

Tangan rakyat menggapai untuk mencari pegangan dalam kelemasan udara tercemar dan beracun. Dan bila luput, rakyat terkapai-kapai mencakar ke arah udara.

Inikah yang dikatakan rakyat menjadi angkatan gagap yang diperanakkan oleh angkatan kurang ajar. Daya hidup telah diganti oleh nafsu.

Pencerahan telah diganti oleh pembatasan. Jika rakyat terus begini, inilah angkatan rakyat yang berbahaya. Bukan sahaja untuk generasi masa kini malah buat angkatan mendatang.


Dinukil

pada 13 Disember 2012

jam 3.22 ptg

Di Merbok, Kedah

Kamar tidur sambil mengharapkan pulih daripada pembedahan





2

**RAKYAT
PERLU SIAP
MENCARI
PEMIMPIN
SEJATI
YANG
ISTIQAMAH**



“AKAN tiba satu zaman kepada manusia di mana perhatian mereka hanya tertuju pada urusan perut, kehormatan mereka hanya pada benda semata-mata. Kiblatnya tidak jauh daripada urusan seks, agamanya adalah harta dan perak. Mereka adalah makhluk Allah yang terburuk dan tidak akan memperolehi kesenangan di sisi Allah” (HR Ad-Dailami)

Ngeri membaca Hadis ini di kala kita mengenang gerangan nasib rakyat negeri ini yang bakal membuat keputusan yang sangat penting pada PRU13 yang sedang dihitung hari saja.

Pokoknya rakyat siap tidak siap perlu bersedia. Siap memilih sejumlah sosok pemimpin sejati dalam PRU 13. Bersiap, tidak hanya menerima, bersedia tidak cuma mendengar, justeru harus berani dan memberanikan. Bersedia membuat anjakan dalam politik negara.

Diikuti juga bersedialah bermula menjadi rakyat penegur dan penyanggah kepada kuasa dan peneraju yang berkuasa bila menyeleweng walau sesiapaupun yang akan memerintah selepas keputusan PRU 13 diumumkan nanti.

Banyak yang rakyat boleh ambil iktibar dari perjalanan uruskelola pemerintahan daripada pihak-pihak yang akan bersaing dalam PRU ke 13 ini. Sudah pasti rakyat mahu yang lebih baik jika tidak pun yang terbaik. Rakyat boleh melihat kejayaan, juga kegagalan. Boleh menilai antara slogan dan juga kenyataan. Berupaya mengukur antara komitmen sebenar dan penyelewengan yang sangat ketara.

Rupanya banyak yang tidak disedari pemimpin dan mereka

yang beria-ia teringin menjadi pemimpin. Isu perubahan menjadi tema utama. Namun isi sebenar daripada maksud perubahan yang dilaungkan belum pasti dan tidak ketahu menjadi atau sebaliknya.

Pokoknya kepincangan dalam kalangan pemimpin juga ada yang jelas bagaikan mentari, ada yang kabur persis kabus di pagi hari. Sangat banyak yang tersembunyi tanpa diketahui.

Kini yang sudah lama menjadi menteri ingin terus kekal menjadi menteri lagi. Ada yang sudah lama mengidam masih terus menyimpan hajat. Mereka yang mahu menjadi calon PRU melobi terus. Mencari celah, menjenguk peluang dan mengintai kesempatan.

Tapi banyak yang tidak bersedia menjadi insan dua Umar seperti Umar Al-Khattab dan Umar Abdul Aziz, jauh sekali meneladani insan Muhammad bila berada diteraju kuasa. Bila ditegur menjadi marah. Kerana merasa kena getah.

Padahal ia adalah hasil olahnya sendiri akibat menaruh perhatian kepada resah rakyat hanya dengan layanan sebelah mata. Akibat tenggelam dalam keenakan mendapat peluang menjadi wakil rakyat sehingga terjebak menyalahguna kuasa. Akibat tipisnya rasa amanah.

Natijahnya negara makin hancur, bangsa makin lebur. Tidak dikisahkan oleh mereka yang beraspirasi naik ke atas. Jika sudah berjaya berada di atas, awalnya kelihatan berjinak dengan rakyat, di tengahnya mulai berkalutan, di hujung mulai sangat perit untuk bertemu janji.

MENDIDIK masyarakat memerlukan masa yang panjang. Tugas mencabar. Amanah besar. Ia bukan teori. Tiada jalan pintas untuk mencapai matijah. Permaidani merah bukan hamparan impian. Perjuangan hidup ini sangat berwarna-warni.

Buku yang ditulis berdasarkan pengalaman bergelumang bersama jerit perih rakyat ini sangat sesuai kepada semua golongan.

Bukan sekadar tulisan biasa yang hanya untuk menghiasi persada perbukuan negara. Paling kurang, buku ini diharapkan dapat memberikan inspirasi berguna kepada mereka yang berjinak-jinak dalam memahami kehendak, keluh kesah, degup jantung dan denyut nadi sernua kalangan rakyat.

Apakah matlamat terakhir kepada perjuangan bersama rakyat ini, pengalaman penulis dapat diterka dan dinikmati seenaknya sebaik memulakan pembacaan anda.

Seusai menghadhomnya, Anda Terhormat sudah dapat mengambil banyak iktibar perjuangan, kaedah pilihan dan bagaimana untuk memanfaatkan potensi dalam diri sendiri untuk kebajikan bersama.



HAJI MOHD AZMI ABDUL HAMID

sebagai Presiden Teras sudah lama bergerak menangani berbagai isu rakyat. Kelahiran Terengganu pada 1958, dibesarkan di Perak, lulusan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) ini awalnya terlibat dalam bidang pendidikan negara.

Sehingga kini, Cikgu Azmi masih bersama

Persatuan Pengguna Pulau Pinang, Setiausaha Agung MAPIM dan banyak lagi. Menulis berbagai buku, berkongsi idea hingga ke berbilang negara termasuk di Palestin, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan OIC.



RM15.00

**“Saatnya Generasi
Pewaris Bangsa
Bersiap Memimpin
Kebangkitan Ummah”**

